

A. SYARAT-SYARAT DAN TANGGUNG JAWAB PENIAGA /PENGANJUR /KEMENTERIAN /AGENSI /PEMILIK PREMIS

1. Para peniaga dikehendaki memohon lesen dan mempamerkan lesen sepanjang masa. Permohonan bagi lesen penjaja ini boleh dibuat secara atas talian di <https://elesen.ppj.gov.my>
2. Mendapat kelulusan dari Perbadanan Putrajaya (Bilangan peniaga dan Pelan susun atur)
3. Mematuhi Garis Panduan Penjaja Sementara Putrajaya.
4. Peniaga berlesen sahaja.
5. Mematuhi jenis jualan yang dibenarkan.
6. Mematuhi SOP dalam tempoh PKP, PKPB, PKPP.
7. Penjarakkan gerai 2-3 meter.
8. Bilangan dihadkan mengikut ruang / keluasan. Hanya bagi ruang terbuka sahaja dan perlu berpagar.
9. Mengadakan Saringan Peniaga (bebas Cov 19).
10. Kawalan 1 pintu masuk dan keluar (saringan suhu, memakai *face mask*, *hand sanitizer*). Peniaga, pekerja dan pelanggan memakai *face mask*.
11. *Scan My Sejahtera QR code* / Buku Daftar pengunjung.
12. Sediakan dan patuh jarak 1 meter penjarakkan sosial (*Social Distancing*).
13. Pelanggan kanak-kanak di bawah 12 tahun adalah tidak digalakkan.
14. Kawasan Terbuka (perlu di pagar secara *barricade* / kon / tape).
15. Kawalan 1 Pintu Masuk / Keluar.
16. Menyediakan pengawal keselamatan / RELA.
17. Kebersihan dan sanitasi kawasan perniagaan

18. Peniaga dikehendaki mempamer lesen di sepanjang masa.
19. Peniaga haruslah mempamerkan tanda harga barangan yang dijual sepanjang masa.
20. Peniaga dan pembantu gerai di kalangan warga asing adalah tidak dibenarkan.
21. Peniaga akan menggunakan tapak perniagaan untuk tujuan sepertimana yang diperihalkan dalam Surat Tawaran sahaja.
22. Peniaga tidak dibenarkan mempamer atau menjalankan sebarang aktiviti berkaitan parti politik sewaktu menjalankan perniagaan.
23. Peniaga yang dilesenkan hendaklah pada setiap masa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di tapak.
24. Peniaga tidak dibenarkan menggunakan pelaung, pembesar suara, mikrofon atau apa-apa alat lain untuk mempertingkatkan bunyi pada masa menjalankan perniagaan melainkan dengan kebenaran PPj
25. Jualan berkonsepkan '**Take Away**' sahaja dan **jualan siap bungkus**.
26. Tidak boleh mengubah/berpindah dari petak/tapak/gerai yang telah diberikan kecuali dengan kebenaran PPj.
27. Peniaga tidak dibenarkan meninggalkan kenderaan, apa-apa barang atau peralatan yang berkaitan dengan trednya setiap kali selepas perniagaan ditutup. Sekiranya terdapat apa-apa yang ditinggalkan, pihak PPj tidak akan bertanggungjawab ke atas keselamatan peralatan tersebut.
28. Setiap Peniaga perlu menjaga dan menyenggara tapak/petak masing-masing supaya sentiasa bersih
29. Peniaga tidak dibenarkan menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas dan pergerakan bebas pengunjung/pelanggan/orang awam di tapak mahupun di jalan raya.
30. Peniaga tidak dibenarkan mengganggu atau menghalang peniaga-peniaga lain atau pegawai PPj dari menjalankan urusan dan tugas masing-masing.

31. Peniaga tidak akan melakukan, membenarkan atau membiarkan dilakukan dalam Premis Tersebut apa-apa perbuatan yang boleh menjadi kacau ganggu, menyebabkan kegusaran atau gangguan ketenteraman dan keselesaan kepada Peniaga lain dan orang awam.
32. Peniaga akan membenarkan PPj pada setiap masa yang sesuai setelah dimaklumkan terlebih dahulu untuk tujuan pemeriksaan.
33. Peniaga mestilah memberi kerjasama dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak PPj dari masa ke semasa.
34. Peniaga hendaklah menggunakan barangan produk biodegradasi yang telah mendapat pengesahan dan pengiktirafan daripada **SIRIM seperti ECO 001:20182018 (Compostable Products/ Biodegradable Products) dan ECO 009:2016 (Biomass Based Products For Food Contact Applications)** untuk bekas makanan/minuman, pembungkus makanan/minuman dan beg meletak makanan/minuman. Penggunaan polisterina dan plastik tidak dibenarkan.
35. Peniaga dan pekerja berumur 60 tahun ke bawah sahaja dan Bebas Cov19 dan dalam kesihatan yang baik.
36. Peniaga, pekerja dan pemborong bukan dari Zon Merah.
37. Transaksi tanpa sentuhan (*cashless / e-wallet*) digalakkan.

B. SYARAT-SYARAT PENGENDALIAN MAKANAN DAN MINUMAN

1. Setiap Peniaga dan pembantu mestilah mendapatkan suntikan *Typhim VI*, pemeriksaan kesihatan dan kursus pengendalian makanan bagi mengendalikan atau menyediakan makanan/minuman. Bukti telah mendapatkan suntikan tersebut hendaklah sentiasa berada bersama dengan pemiliknya dan boleh dikemukakan apabila dikehendaki oleh pihak PPj untuk tujuan pemeriksaan.
2. Tiap-tiap Peniaga hendaklah menyenggara pakaiannya dan dirinya dalam keadaan bersih dan hendaklah memakai apron dan penutup kepala berwarna cerah yang bersih dan memakai kasut semasa menjual dan menyediakan makanan/minuman.
3. Kain yang khusus perlu disediakan bagi maksud mengelap atau membersih atau mengilap apa-apa peralatan bagi penyediaan makanan/minuman atau apa-apa

SYARAT-SYARAT ZON PENJAJA SEMENTARA PUTRAJAYA

- bungkusan hendaklah sentiasa di dalam keadaan bersih pada setiap masa dan kain khusus yang lain perlu disediakan bagi mengelap meja.
4. Peniaga adalah di larang sama sekali melakukan perkara-perkara berikut:
 - (i) Menggunakan jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepala semasa menjalankan pembungkusan atau penghidangan makanan/minuman.
 - (ii) Menggunakan nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut.
 - (iii) Menyapu, mengelap tangan atau muka ke atas bajunya atau dengan apa-apa cara selain dengan menggunakan tuala atau kain yang bersih dan tidak dicampuradukkan bagi maksud yang lain.
 - (iv) Meletak apa-apa bahan, alat, pekakas, peralatan atau apa-apa bahan yang kotor yang boleh menyentuh dan mencemarkan makanan/minuman bagi jualan.
 - (v) Batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan/minuman.
 - (vi) Dilarang meludah, membuang hingus daripada hidung dan merokok di kawasan persekitaran gerai.
 6. Peniaga tidak dibenarkan membuat aktiviti memasak menggunakan kelengkapan dapur gas di gerai/tapak. Hanya dibenarkan makanan yang telah siap sedia dimasak dan pemanasan menggunakan kelengkapan elektrik sahaja.
 7. Tiap-tiap Peniaga hendaklah pada setiap masa menyimpan makanan/minuman dan semua bekas, perkakas, barang-barang, alat, kerusi meja dan lain-lain peralatan yang digunakan dalam keadaan bersih dan bebas dari kotoran, habuk, bau busuk supaya dapat menghindari lalat atau lain-lain serangga.
 8. Makanan/bahan mentah yang telah dimasak/belum dimasak tidak boleh diletakkan di atas tanah. Meja/tempat untuk meletakkan makanan/minuman yang di jual mestilah mempunyai ketinggian tidak kurang 0.5 meter dari aras tanah.
 9. Bekas simpanan makanan/minuman mestilah tidak pecah, sumbing atau retak.

10. Wajib menggunakan barangan produk biodegradasi untuk bekas makanan/minuman, pembungkusan makanan/minuman dan beg meletak makanan/minuman. Penggunaan polisterina dan plastik tidak dibenarkan.
11. Peniaga tidak dibenarkan sama sekali membuang sisa makanan/minuman atau minyak masakan di bahagian jalan, longkang, kawasan landskap dan sekitarnya.
12. Peniaga hendaklah menyediakan tong-tong atau bekas-bekas sampah yang secukupnya untuk mengisi sampah dan semua tong-tong atau bekas-bekas sampah tersebut hendaklah dilapiskan dengan beg plastik sampah. Tong-tong sampah hendaklah sempurna dan bertutup.
13. Semua sampah busuk atau sampah pepejal basah atau sampah-sampah lain hendaklah dimasukkan ke dalam tong sampah dan di buang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak PPj atau SW CORP. Malaysia.

Sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat ini, pihak PPj berhak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016. Pihak PPj tidak boleh dipertanggungjawab bagi sebarang insiden termasuklah kehilangan/ kerosakan harta benda Peniaga, kecederaan dan kehilangan nyawa baik daripada pihak Peniaga mahupun orang awam. Peniaga dikehendaki menanggung segala liabiliti dan mengganti rugi dan terus mengganti rugi PPj bagi apa-apa tuntutan, kerugian, apa-apa tindakan atau prosiding yang mungkin dibawa terhadap PPj akibat daripada atau disebabkan oleh perniagaan Peniaga.